

Oleh Mohd Azrone Sarabatin, Khairina Yassin, Basir Zahrom, Amin Ridzuan Ishak, Ifwan Tun Tuah, Suzalina Halid, Muhd Amirul Faiz Ahmad, Ihsan Norzali dan Mohamad Zulfaizan Mansor



Pelajar UTM membuang undi menggunakan kaedah manual di Skudai, semalam. [FOTO HAIRUL ANUAR ABD RAHIM/BH]



Pelajar UMP membuang undi menggunakan sistem e-voting di Gambang, semalam. [FOTO MOHD RAFI MAMAT]

Keputusan UPM belum rasmi

» Pelajar diberi tempoh empat hari buat bantahan pemilihan MPP

► Kuala Lumpur

Universiti Putra Malaysia (UPM) memperkemas proses pilihan raya kampus dengan menambah tempoh bantahan daripada tiga jam kepada empat hari bagi memastikan pelajar benar-benar berpuas hati dengan keputusannya.

Sehubungan itu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramlan, berkata bantahan bagi keputusan pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) 2012/2013 semalam hanya akan berakhir Sabtu ini.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Induk Pemili-

han MPP 2012/2013, berkata keputusan diumumkan malam tadi belum muktamad kerana pelajar masih boleh membantah hari ini sebelum keputusan bantahan diumumkan esok.

Masih boleh merayu

“Pelajar juga masih boleh merayu terhadap keputusan bantahan ini sebelum keputusan terhadap rayuan mereka diumumkan Ahad.

“Pengisytiharan rasmi hanya akan dilakukan Isnin ini,” katanya sambil menambah tempoh bantahan yang panjang bagi mengelakkan insiden tidak diinginkan seperti berlaku ketika proses bantahan tahun lalu.

Katanya, UPM menubuhkan tiga jawatankuasa baru bagi mengendalikan proses bantahan, iaitu Jawatankuasa Bantahan, Jawatankuasa Rayuan dan Jawatankuasa Audit.

Sementara itu, proses pengundian di Universiti Malaya (UM) berjalan lancar walau-

pun Presiden Pro-Mahasiswa Nasional yang juga pelajar universiti itu, Edikoup Lakip Sedyanto mendakwa diserang beberapa lelaki awal pagi semalam.

Tinjauan BH mendapati pengurusan UM mengetatkan kawalan keselamatan termasuk meminta petugas media mendapatkan pas masuk khas bagi membuat liputan pada hari pengundian.

Seramai 22,882 mahasiswa UM termasuk 32 dari kalangan Orang Kurang Upaya (OKU) layak mengundi kali ini.

Naib Canselor UM, Prof Tan Sri Dr Ghauth Jasmon, berpuas hati dengan perjalanan pemilihan kali ini serta kelancaran sistem e-undi yang kini memasuki tahun ketiga pelaksanaannya selain tiada laporan mengenai sebarang tindakan atau rasa tidak puas hati mana-mana pihak.

Di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 76 peratus daripada 22,500 jumlah keseluruhan pelajar universiti itu mengundi sehingga 5 petang

semalam. Walaupun wujud provokasi ketika tempoh berkempen, ia dapat ditangani dengan baik oleh Jabatan Keselamatan universiti.

Tidak terima laporan

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof Dr Othman A Karim yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan MPP UKM 2012/2013, berkata pihaknya tidak menerima laporan kononnya lima laporan polis dibuat calon Pro-Mahasiswa yang mendakwa menerima ugutan bunuh.

Sebanyak 28 kerusi dipertandingkan di UKM, masing-masing di 19 fakulti bersama lima kerusi umum untuk pelajar Tahun 1, 2 dan 3 serta empat bagi pelajar Tahun 3 ke atas.

Lima kerusi fakulti dimenangi tanpa bertanding iaitu Fakulti Pengajian Islam, Fakulti Pendidikan, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Fakulti Farmasi serta Fakulti Perubatan.